

## Governmentaliti dalam Geografi Manusia

### *Governmentality in Human Geography*

**Noraniza Yusoff**

Pusat Pengajian Kerajaan, UUM Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah  
*e-mel: noraniza@uum.edu.my*

---

### **Abstrak**

Governmentaliti ialah konsep yang mengkaji hubungan antara pengeluaran rasionaliti-rasionaliti berkenaan dengan kerajaan dan teknologi dalam kuasa moden. Teori governmentaliti juga merupakan alat untuk mengkaji cara mentadbir, mengurus dan mengawal selia dasar sebuah negara atau dipanggil sebagai urus tadbir dalam rangkaian luar negara. Governmentaliti boleh difahami sebagai seni kerajaan; bagaimana pemerintahan atau pentadbiran; rasionaliti yang berkenaan dengan kerajaan; satu garis panduan untuk analisis yang Michel Foucault menawarkan melalui cara pembinaan semula berkenaan dengan sejarah meliputi satu tempoh bermula daripada Greek Purba melalui neo-liberalisme moden; dan satu teknik serta strategi yang masyarakat menjadi dapat diperintah iaitu pihak berkuasa mempunyai kuasa untuk mengarah dan mengawal tindakan, dasar, negara dan sebagainya. Tujuan analisis ini adalah untuk membezakan antara sifat-sifat didefinisikan dan struktur tidak berkenaan dalam konsep governmentaliti; dan untuk menentukan struktur dalaman melalui memecahkannya iaitu memisahkan ke dalam unsur-unsur atau bahagian asas penting yang lebih mudah dalam konsep governmentaliti. Kaedah analisis konsep yang digunakan ialah analisis konsep Wilson. Analisisnya melibatkan memisahkan soalan-soalan berkenaan konsep governmentaliti, menentukan unsur-unsur penting dan tidak penting, kes model, kes bertentangan, kes yang hampir serupa, kes pinggir, kes dicipta, konteks sosial, tanggapan tentang konsep, implikasi untuk membuat perbezaan dalam kehidupan manusia dan mencari satu makna yang berfungsi paling berkesan. Hasil kajian mendapati governmentaliti (amalan-amalan yang dianjurkan seperti mentaliti, rasionaliti dan teknik yang melaluinya subjek adalah diperintah dan dipengaruhi) adalah berbeza dengan Machiavellianisme (doktrin politik Machiavelli iaitu mana-mana cara boleh digunakan oleh pemerintah supaya mencipta dan mengekalkan kerajaan autokratik).

### **Kata kunci**

Governmentaliti, rasionaliti, pemerintahan

### **Abstract**

*Governmentality is a concept which studied the relationship between the production of rationality with respect to government and technologies of modern power. Governmentality*

*theory is also a tool to study the method of administer, manage and supervise the policy of a country or called as governance in abroad networks. Governmentality can be understood as the art of government; how the government or administration; rationality which concerned with the state; a guideline for the analysis which Michel Foucault offers through reconstruction method related with history covers a period begin from Ancient Greece through the modern neo-liberalism; and the technique as well as strategies which community be able to dictate namely the authority have the power to direct and control the action, policy, the state and others. The purpose of this analysis are to distinguish between defined properties and disconnected structure in governmentality concept; and to determine the inner structure through dividing it namely separating into component or the important fundamental part which is more easier in governmentality concept. The method of analysis employed was Wilson concept analysis. Analysis involved separating questions related with governmentality concept, determined the important and unimportant component, the model case, the opposite case, the uniform case, the marginal case, the created case, the social context, the notion of the concept, the implication to making a difference in the human life and find one meaning which work most effective. The finding of the study discovered governmentality (organized practices like mentality, rationality and technique through which the subject is governed and influenced) differs with Machiavellianism (political doctrine of Machiavelli namely any means can be employ by the governing in order to create and maintain the autocratic government).*

### **Keywords**

*Governmentality, rationality, rule*

---

## **Pengenalan**

Governmentaliti ialah konsep yang mengkaji hubungan antara pengeluaran rasionaliti-rasionaliti berkenaan dengan kerajaan dan teknologi-teknologi dalam kuasa moden. Governmentaliti boleh difahami sebagai seni kerajaan; bagaimana pemerintahan atau pentadbiran; rasionaliti yang berkenaan dengan kerajaan; satu garis panduan untuk analisis yang Michel Foucault (2011; 2010; 2008) menawarkan melalui cara pembinaan semula berkenaan dengan sejarah meliputi satu tempoh bermula daripada Greek Purba melalui neo-liberalisme moden; dan satu teknik serta strategi yang masyarakat menjadi dapat diperintah iaitu pihak berkuasa mempunyai kuasa untuk mengarah dan mengawal tindakan, dasar, negara dan sebagainya. Rose-Redwood (2006<sup>a</sup>) menyatakan bahawa semakin ramai ahli geografi yang meneroka kerja Foucault (1991<sup>a</sup>) tentang 'governmentaliti' yang memeriksa hubungan antara pengeluaran kewajaran-kewajaran berkenaan dengan kerajaan dan teknologi-teknologi kuasa moden. Banyak keterangan geografi menganggap governmentaliti daripada segi mekanisme pengeluaran pengetahuan yang negara gunakan untuk menjadikan subjek dan wilayah-wilayah mereka sebagai 'dapat diperintah'. Rose-Redwood (2006<sup>a</sup>)

menyatakan bahawa governmentaliti perlu juga diteroka daripada segi kepelbagaian agen aktif (pengamal) bukan-negara (bukan-kerajaan) yang menggunakan teknologi-teknologi kerajaan dalam banyak cara. Geo-pengkodan dicadangkan oleh Rose-Redwood (2006<sup>a</sup>) sebagai satu prasyarat ruang utama untuk projek biopolitik lebih besar dalam pengambilan-banci dan pemetaan sekurang-kurangnya sejak abad ke-18. Sejarah ruang yang sangat penting dalam 'dunia pengkodan-geo' adalah diperlukan untuk memahami perkara dalam geografi yang menguatkan pengeluaran pengetahuan berkenaan dengan kerajaan.

## Ulasan Karya

Rose-Redwood (2006<sup>a</sup>) menyatakan bahawa dalam lima puluh tahun yang lepas, analisis Foucault (1991<sup>a</sup>) berkenaan dengan 'governmentaliti' telah mempengaruhi sarjana-sarjana dalam pelbagai disiplin iaitu daripada antropologi, sejarah dan sains politik ke sosiologi, kajian budaya dan geografi. Pembentukan teori Foucault tentang 'kuasa berkenaan dengan disiplin' mengumpul banyak perhatian dalam tahun-tahun 1980-an dan masih kekal penting pada hari ini. Walau bagaimanapun, tumpuan pada kuasa berkenaan dengan peraturan atau disiplin telah tenggelam oleh penekanan yang lebih baru pada amalan '*individualization*' dan '*totalization*' yang bersama-sama membentuk matriks epistemologikal dalam kewajaran-kewajaran berkenaan kerajaan. Kesusasteraan governmentaliti diinspirasi oleh Foucauldian tidak mengeluarkan satu perspektif atau pendekatan berdasarkan teori gabungan, tetapi kebanyakan kajian tentang governmentaliti berkongsi satu kebimbangan umum bagi dengan kritis memeriksa peranan yang pengeluaran pengetahuan telah mainkan dalam pembentukan amalan berkenaan kerajaan moden. Meskipun pelbagai ahli geografi yang berbeza fahaman telah menggambarkan, mengkritik dan menyumbang kepada kemunculan kesusasteraan tentang governmentaliti, sangat sedikit kerja-kerja teoretikal pada masa sekarang yang mengesan hubungan antara kesarjanaan berkenaan dengan geografi dan kajian governmentaliti.

Fahaman neoliberal dan governmentaliti telah menjadi subjek kajian ahli geografi sebagai contohnya Dowling (2010) yang menyatakan penglibatan ahli geografi dengan governmentaliti telah menjadi semakin rumit, semakin sangat penting dalam proses-proses sosial, dan semakin membawa manusia kepada menaruh perasaan kurang percaya terhadap keadaan tidak dapat dielakkan tentang subjek neoliberal (membaca pengiraan, tumpuan-kendiri dan rasional). Kerja melibatkan usaha fizikal dan mental dalam geografi baru-baru ini tentang projek perubahan sosial merentasi bidang empirikal yang berbeza terdiri daripada menyoal dengan jelas ke atas fungsi governmentaliti dan proses-proses berkaitan serta demonstrasi dalam kerumitan fungsi governmentaliti.

Governmentaliti turut dihubungkan dengan kajian tentang wanita sebagai contohnya Una dan Rob (2008) yang mengkaji berkenaan dengan cara governmentaliti di Ireland mendapati bahawa cara dan amalan dalam governmentaliti mengeluarkan

satu grid (garis paksi-x dan paksi-y yang berjarak sekata pada carta atau graf untuk membantu pemplotan titik data) disiplin padat (penuh) ruang, memulih dan peraturan-kendiri, berusaha untuk mengeluarkan wanita ‘tertib’ (wanita berperaturan) menduduki berbagai-bagai ruang melalui membataskan akses ke ruang kerja dan ruang awam, menghadkan wanita kepada satu kediaman asli (berkenaan perkahwinan) dan mengancam lapangan baru dalam pembaharuan, penghijrahan atau keadaan dipulaukan.

Governmentaliti dihubungkan dengan aspek ruang sebagai contoh Flint (2003) yang menyatakan perlambangan subjek, satu komponen penting dalam governmentaliti, biasanya memerlukan satu meruangkan (memberi tempat) kepada ‘yang lain-lain’, pembinaan identiti ras atau identiti gender, semua daripada yang mempunyai implikasi untuk akses kepada ruang dan wilayah. Identiti kebangsaan telah memainkan peranan penting dalam projek governmentaliti bagi mencipta pemberian definisi sendiri (sendiri) ‘yang lain-lain’ atau mengguna simbol-simbol untuk mencipta cerita-cerita dalam kelompok dan menyokong kerajaan. Golongan kebangsaan yang dicipta ialah diikat kepada kerajaan melalui kedudukan undang-undang kerakyatan, yang cuba untuk memasukkan dan mengecualikan kelompok-kelompok tertentu untuk memenuhi projek-projek berkenaan dengan kerajaan. Sebagai pilihan, identiti-identiti yang dicipta di pinggir boleh menjejaskan kestabilan negara dan kerajaan atau menggalakan jurang pilihan raya. Governmentaliti juga dikaitkan dengan ruang bandar sebagai contohnya Jeffrey (2010) yang mengulas kerja Legg (2007) bahawa Legg menegaskan tentang pendekatan ‘governmentaliti kritikal’, berfikir dengan cara yang jelas dan pintar kepada situasi rumit dalam kedaulatan, disiplin dan governmentaliti serta rintangan-rintangan yang membentuk amalan kerajaan di Delhi. Legg mungkin telah menyelidik dengan mendalam hubungan antara kritikan governmentaliti bandar dan nasionalisme India.

Ahli geografi yang berbeza fahaman baru-baru ini mula mengkaji kaitan governmentaliti dalam konteks geografi politik, geografi sejarah, geografi bandar, geografi budaya, kartografi dan hubungan sifat-masyarakat. Ahli geografi politik yang lain telah menumpukan pada governmentaliti sebahagian besarnya kerana ia berkaitan dengan kerajaan. Dalam kajian mereka tentang pembinaan statistik “ladang kebangsaan” sebagai satu objek kerajaan dalam abad ke-19 dan abad ke-20 di Britain, Musdoch dan Ward (1997) menggambarkan bagaimana teknologi dalam pengeluaran pengetahuan (seperti statistik) tidak semata-mata menerangkan satu realiti empirikal tetapi sebenarnya dibentuk semula realiti itu supaya sepadan dengan kategori-kategori kerangka epistemologikal dibina sebelum itu. Definisi Murdoch dan Ward tentang governmentaliti kekal berpusatkan-negara. “Governmentaliti dirujuk kepada kaedah-kaedah yang digunakan oleh kerajaan untuk mewakili dan membuat campurtangan dalam bidang pentadbiran dan untuk mencapai perpaduan wilayah” (Rose-Redwood, 2006<sup>b</sup>).

Perihal wajar dalam governmentaliti menjadi aspek kajian pengkaji sebagai contohnya Bratich *et al.*, (2003) yang menjelaskan governmentaliti sebagai seni dan kewajaran-kewajaran dalam mentadbir, di mana pimpinan kelakuan ialah aktiviti utama. Pimpinan kelakuan merupakan satu percubaan untuk merumuskan semula

hubungan pemerintah-diperintah, yang tidak membuat hubungan bergantung pada mesin pentadbiran, institusi perundangan, atau lain-lain apparatus (kelengkapan untuk kerja saintifik atau lain-lain) yang biasanya dikumpulkan di bawah petunjuk kerajaan (Szczur, 2011).

Dalam makna umum, governmentaliti digambarkan sebagai analisis mentaliti kerajaan, kolektif dan sistem dikendalikan dengan betul dalam amalan dan fikiran yang menguatkan percubaan untuk mentadbir masyarakat. Dean (1991) menggambarkan governmentaliti sebagai “mentaliti-mentaliti khusus, seni dan rejim kerajaan dan pentadbiran yang telah muncul sejak Eropah ‘moden awal’, menggambarkan kebenaran yang diterima sejak abad pertengahan ke-18 iaitu ialah tanggungjawab “pemerintah” untuk mengurus, memelihara dan melindungi penduduk; melalui kebimbangan untuk kebersihan, sistem menjaga kebersihan awam, migrasi, kadar kelahiran dan lain-lain (Hodgson, 2002).

## **Teori**

Teori governmentaliti juga merupakan alat untuk mengkaji urus tadbir rangkaian luar negara (Merlingen, 2011). Foucault (1991<sup>b</sup>) pengasas kepada teori governmentaliti menulis governmentaliti ialah kumpulan dibentuk melalui institusi, prosedur, analisis dan berfikir dengan mendalam, hitungan dan taktik yang membenarkan penggunaan kuasa yang sangat khusus ini, walaupun kuasa berbentuk rumit, yang sebagaimana populasi sasarannya, sebagaimana bentuk prinsip pengetahuan politik ekonominya, dan sebagaimana cara teknikal penting apparatus keselamatan (Kwarteng, 2005).

## **Metod Analisis**

Tujuan analisis ini adalah untuk membezakan antara sifat-sifat didefinisikan dan struktur tidak berkenaan dalam konsep governmentaliti; dan untuk menentukan struktur dalaman melalui memecahkannya ke dalam unsur-unsur yang lebih mudah. Kaedah analisis konsep yang digunakan ialah analisis konsep Wilson. Analisis ialah melibatkan memisahkan soalan-soalan berkenaan konsep governmentaliti, menentukan unsur-unsur penting dan tidak penting, kes model, kes bertentangan, kes yang hampir serupa, kes pinggir, kes dicipta, konteks sosial, tanggapan tentang konsep, implikasi untuk membuat perbezaan dalam kehidupan manusia dan mencari satu makna yang berfungsi paling berkesan.

## **Dapatan Kajian**

### **Membezakan Antara Sifat-sifat Didefinisikan dan Struktur Tidak Berkenaan Dalam Konsep Governmentaliti**

Governmentaliti (amalan-amalan yang dianjurkan seperti mentaliti, rasionaliti dan teknik yang melaluinya subjek adalah diperintah dan dipengaruhi) adalah berbeza

dengan Machiavellianisme (doktrin politik Machiavelli iaitu mana-mana cara boleh digunakan oleh pemerintah supaya mencipta dan mengekalkan kerajaan autokratik) menurut Robyn (2012), di mana Machiavelli ialah hanya satu bentuk minor dalam salasilah Foucault tentang kemodenan.

Jeffreys dan Sigley (2009) mendefinisikan governmentality sebagai ‘pimpinan kelakuan’ iaitu mana-mana cara lebih atau kurang dalam mengarah bagaimana manusia berkelakuan dan bertindak. Konsep governmentality telah menjana satu badan kerja berkembang biak ke atas ‘bagaimana’ mentadbir: bagaimana manusia memerintah; bagaimana manusia adalah diperintah; dan hubungan antara kerajaan dalam sebuah negara, kerajaan yang lain-lain dan kerajaan mereka sendiri. Kajian governmentality menunjukkan satu pendekatan interdisiplin untuk mengkaji bagaimana kerajaan pimpinan manusia berfikir dan bertindak dengan pihak berkuasa dan individu, melalui memohon bentuk khusus ‘kebenaran’ dan menggunakan cara dan sumber khusus.

Daripada segi makna, governmentality ialah perkataan baru yang terdiri istilah “kerajaan”, “cara berfikir” dan “kewajaran”. Governmentality-governmentality adalah perbincangan yang menggalakkan kewajaran-kewajaran tertentu (cara mengetahui) dan selanjutnya cara berfikir-cara berfikir khusus yang memberitahu jenis-jenis khusus mentadbir (Varman, Skalen dan Belk, 2012).

### **Menentukan Struktur Dalam Melalui Memecahkannya Ke dalam Unsur-unsur Yang Lebih Mudah**

Governmentality membentuk pandangan tentang lokasi kuasa untuk memerintah. Kuasa ini mungkin berhierarki dan birokratik, sebagaimana dalam kes kerajaan pusat, atau mereka mungkin dalaman, membicarakan tentang disiplin sendiri tentang aras lebih peribadi. Kerana tadbir urus terjadi pada banyak aras secara serentak, ia adalah sering kali rumit melalui tuntutan bersaing bagi kelakuan (Newswander dan Newswander, 2009).

Governmentality memperkatakan tentang bagaimana manusia berfikir tentang mentadbir dengan cara berfikir berbeza tentang kerajaan dengan perwakilan dalam badan-badan pengetahuan, sistem kepercayaan dan pandangan yang kita adalah terlibat. Cara berfikir boleh diterangkan sebagai satu keadaan dalam pemikiran mengarah kelakuan rakyat. Cara berfikir ini memberitahu amalan-amalan kerajaan dan dengan demikian menunjukkan governmentality-governmentality yang adalah biasanya tidak terbuka untuk dipersoalkan sebagaimana mereka diterima sebagai benar tanpa bukti (Davids, Van Driel dan Van Eerdewijk, 2011). Manakala konsep governmentality oleh Foucault adalah bergantung pada konsep “kerajaan” yang berpunca daripada pemikiran semula lebih awal Foucault berkenaan dengan konsep kuasa (Morton, 2010).

### **Soalan-soalan Berkenaan Konsep Governmentality**

Soalan berkenaan dengan sebahagian daripada batasan (had) governmentality yang sedia ada berfungsi perlu untuk diakui dan beberapa perubahan dalam fokus penyelidikan

perlu berlaku (Petersen, 2003). Soalan utama neoliberal kemukakan ialah pengiraan yang mendorong orang untuk melabur sumber-sumber kekurangan mereka dalam mengejar satu matlamat dan bukannya yang lain, model pada umumnya berakar dalam satu prinsip tentang pemaksimuman individu dalam manfaat. Penting, pengiraan menggunakan tidak hanya analisis tentang individu dan tindakan sosial tetapi juga alaman-amalan berkenaan dengan kerajaan: menentang standard yang ditetapkan oleh pasaran, amalan ini boleh memeriksa bagi lebih dan penyalahgunaan, ditapis melalui keadaan saling pengaruh-mempengaruhi bekalan dan permintaan (Brockling, Krasmann dan Lemke, 2011).

### **Unsur-unsur Penting dan Tidak Penting**

Unsur penting yang merupakan komponen genting dalam kerangka governmentaliti ialah penciptaan penduduk, menekankan pada individu sebagai agen bebas dan edaran serta pengeluaran pengetahuan sebagai rejim kebenaran (Szczur, 2011). Governmentaliti ialah kepentingan khusus kerana perspektif governmentaliti membenarkan cara liberal dan neo-liberal kerajaan dalam demokrasi moden iaitu cara mentadbir yang “bekerja melalui kebebasan atau kemampuan dalam mentadbir” (Hodgson, 2002). Governmentaliti menyediakan sedikit garis panduan teoretikal untuk memahami bagaimana amalan berkenaan dengan ruang terletak dalam konteks kemusnahan kreatif ruang bandar yang terjadi semasa tempoh yang sama dalam sejarah Amerika Syarikat (Rose-Redwood, 2006<sup>b</sup>).

### **Kes Model**

Kerajaan Malaysia telah menubuhkan sebuah pasukan petugas dalam tahun 1990an untuk menghentikan serangan yang menyalahi undang-undang di laut dan sempadan darat dan membuang perkara-perkara yang menyalahi undang-undang yang sedia ada di Malaysia (turut dipanggil Ops Nyah I dan II, atau Operasi Menghapuskan). Melalui usaha-usaha berterusan mereka, pasukan petugas ini juga berkhidmat untuk mengukir kempen-kempen berprofil tinggi secara berkala mensasarkan ‘pendatang haram’ dalam amalan kerajaan lebih diinstitusikan dan norma-norma mengawal sempadan dan mengawal selia migran di Malaysia. Kempen berprofil tinggi menentang ‘pendatang haram’ di Malaysia juga telah melibatkan kerajaan mengisytiharkan tempoh pengampunan semasa pendatang tanpa izin digalakkan untuk kembali secara sukarela diikuti tindakan keras yang berikutnya. Kerajaan Malaysia melancarkan tindakan keras berprofil tinggi yang lain dengan nama kod Ops Tegas diikuti masa yang pendatang tanpa izin diberikan pengampunan untuk pulang ke negara asal dan memperolehi dokumen rasmi untuk masuk semula secara sah ke Malaysia (Hedman, 2008).

### **Kes Bertentangan**

Penempatan semula Menraq (yang dikenali sebagai orang Semang atau Negrito yang merupakan pencari-pencari yang berpindah randah) pada tahun 1972 melalui mandat penempatan kerajaan Malaysia. Menraq merupakan keturunan pengumpul-pemburu yang mendiami Asia Tenggara untuk tempoh kira-kira 40,000 tahun. Penempatan semula orang asli merupakan peringkat pertama dalam program pemodenan (Gomes, 2007).

### **Kes Yang Hampir Serupa**

Governmentaliti dibuat oleh Malaysia melalui *Multimedia Super Corridor* yang dipanggil sebagai bandar pintar, sebagai sebahagian dari zon berkenaan dengan kerajaan yang berbeza berorientasikan untuk memelihara subjek 'pintar' untuk secara global berorientasikan ekonomi maklumat. Zon koridor siber pula ialah satu siri ruang dan lapangan berbeza kerajaan yang disusun semula bahagian bersifat perkauman dan ruang yang sedia ada semasa selepas penjajahan di Malaysia (Bunnell dan Coe, 2005).

### **Kes Pinggiran**

Menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan industri sepenuhnya melalui polisi-polisi pembangunan ekonomi makro dan program tindakan yang mengesahkan usaha untuk mencipta kelas pertengahan Melayu. Juga melalui set teknik sangat biasa mensasarkan pengurus-pengurus, penjawat awam dan buruh institusi awam dan syarikat-syarikat persendirian. Kelimpahan program-program latihan, kursus-kursus, penstrukturan semula organisasi, di bawah nama Litar Kawalan Kualiti (*Quality Control Circuits*), Pengurusan Kualiti Total (*Total Quality Management*) dan kepimpinan penyertaan di mana diambil dan diguna untuk memaksimumkan dan meningkatkan kemampuan berdaya keluaran setiap individu di tempat kerja (Triantafillou, 2005).

### **Kes Dicipta**

Kuasa yang berkaitan dengan asas-asas sosial dan ekonomi sebagai contohnya kuasa rakyat-pengguna (*citizen-consumer*) yang mencabar kuasa kebapaan. Kuasa rakyat-pengguna memastikan rakyat mungkin mendapat manfaat daripada peruntukan perkhidmatan awam yang lebih fleksibel dan responsif. Dalam dunia awam, orang sebagai rakyat memenuhi tanggungjawab mereka kepada orang lain, terlibat dalam pertimbangan dengan berhati-hati bersama dan melaksanakan pemikiran dan pilihan dalam definisi rakyat-pengguna dan mengejar kepentingan awam. Pengguna ialah bentuk didorong oleh keinginan peribadi, mengejar kepentingan mereka sendiri melalui urus niaga tanpa nama yang hubungan antara pembeli dan penjual adalah dicirikan oleh sikap tidak peduli bersama (Clarke, *et al.*, 2007).



## **Konteks Sosial**

Governmentaliti digunakan dalam pelbagai tempoh sejarah dan rejim kuasa khusus yang berbeza. Governmentaliti membangunkan pemahaman baru berkenaan kuasa yang tidak hanya daripada segi hierarki, kuasa atas-bawah kerajaan tetapi juga termasuk kuasa untuk membentuk kawalan sosial dalam institusi-institusi berkenaan disiplin seperti sekolah, hospital, institusi psikiatri dan lain-lain untuk membentuk pengetahuan. Kuasa boleh digambarkan secara positif melalui mengeluarkan pengetahuan dan perbincangan tertentu yang diinternalkan oleh individu dan memandu tingkah laku penduduk. Ini menyebabkan bentuk kawalan sosial yang lebih cekap sebagaimana pengetahuan membolehkan individu untuk memerintah diri mereka sendiri (Governmentality, 2012).

## **Tanggapan Tentang Konsep**

Kajian ahli geografi tidak dengan secukup-cukupnya mengambil kira asas-asas sosial dan ekonomi kuasa kerajaan (Rose-Redwood, 2006<sup>b</sup>). Governmentaliti turut dilihat menawarkan kerangka analitikal (berkenaan dengan analisis) iaitu khasnya berguna ke arah menghubungkan perbincangan abstrak berkenaan dengan masyarakat dengan amalan kebendaan setiap hari. Keistimewaannya tidak merewang (mengandungi maklumat yang tidak berkaitan dengan subjek utama) pun tidak kebendaan tetapi lebih tepat hubungan antara kedua-duanya. Mengambil bahagian dalam jujuknya istilah governmentaliti ke dalam perintah dan cara berfikir, governmentaliti merujuk kepada pemerintahan dalam satu cara berfikir (pandangan yang dipegang secara kumpulan iaitu disampaikan melalui pelbagai perbincangan) dengan cara “teknik-teknik kuasa” – taktik mengira yang memandu subjek-rakyat setiap hari untuk bertindak menurut norma-norma berkenaan dengan masyarakat. Secara terperinci, governmentaliti berhubung dengan pemikiran hubungan dalam geografi yang mengalih fokus daripada aktor sebagai nod terpisah dalam analisis kepada hubungan di kalangan aktor tetapi ia juga menawarkan dimensi yang lain dalam keadaan mempunyai kuasa hubungan, yang penting dalam fokusnya tentang hubungan antara pemisahan dan empirik. Governmentaliti ialah berkenaan geografi pada terasnya dan boleh memberitahu dan menawarkan pandangan ke dalam isu-isu geografi, walaupun pandangan tentang ruang dalam pendekatan governmentaliti ialah tidak patuh kepada semua jenis penyelidikan berkenaan geografi (Ettlinger, 2011).

Governmentaliti yang diutarakan oleh Foucault ialah satu cara untuk memahami kedatangan satu kewajaran baru dalam kerajaan pada abad ke-18 dan pembantu teknologi-teknologi berkenaan dengan kerajaan. Governmentaliti adalah berkenaan dengan “melupakan perkara-perkara” dan bukannya “mengenakan” ketaatan dalam “menggunakan taktik-taktik dan bukannya undang-undang, dan juga menggunakan undang-undang sendiri sebagai taktik – untuk menyusun perkara-perkara dalam cara yang melalui sebilangan cara tertentu, boleh dicapai. Diakhir cara ini adalah sasaran

dan yang digunakan untuk mencapai “hak penyusunan perkara” dalam istilah yang luas, keseimbangan daya hidup kerajaan melalui penduduknya, “undang-undang yang menyesuaikan kekayaannya, kesihatan dan kelanjutan usia, kemampuannya untuk memulakan peperangan dan terlibat dalam buruh dan sebagainya” (De Larrinaga, 2011).

### **Implikasi Untuk Membuat Perbezaan Dalam Kehidupan Manusia**

Ahli geografi mengkaji kuasa rakyat-pengguna (*citizen-consumer*) di mana perdebatan akademik, politik dan popular telah berpusar sekitar pengertian rakyat sebagai pengguna dalam perkhidmatan awam yang menjangka untuk melaksanakan pilihan dalam peruntukan perkhidmatan awam dan pada masa yang sama rakyat melaksanakan pilihan dalam ‘masyarakat pengguna’.

### **Mencari Satu Makna Yang Berfungsi Paling Berkesan**

Kuasa ialah satu makna yang berfungsi paling berkesan dalam governmentaliti. Kuasa ialah bukan satu perkara dalam satu aktor secara sedar mendominasi yang lain sebagaimana dalam pemahaman konvensional tentang kuasa ke atas yang lain; lebih tepat, ialah “niat” dalam kuasa sebagaimana “tertanam dalam amalan berkesan dan sebenarnya”. Kuasa perlu dipertimbangkan dalam hubungan dengan lapangan interaksi. Kuasa adalah sangat berbagai-bagai iaitu seluruh siri mekanisma mungkin untuk merangsang tingkah laku atau perbincangan. Hubungan antara kod kelakuan (perbincangan dan cara berfikir) dan amalan rejim *on-the-ground* adalah melalui teknik-teknik kuasa yang adalah skema rasional mengandungi program jelas. Manusia berurusan dengan set hitungan, memberikan alasan preskripsi (sesuatu yang telah ditentukan) daripada segi yang institusi adalah bermakna untuk diiktiraf, ruang disusun, dan tingkah laku dikawal selia (Ettlinger, 2011).

### **Kesimpulan**

Governmentaliti merujuk pada “kerajaan”, “cara berfikir” dan “kewajaran” yang memperkatakan bagaimana manusia berfikir tentang mentadbir melalui cara berfikir berbeza tentang kerajaan dengan perwakilan dalam badan-badan pengetahuan (yang merujuk pada set lengkap dalam konsep, istilah dan aktiviti-aktiviti yang membentuk satu bidang profesional), sistem kepercayaan dan pandangan yang manusia adalah terlibat. Governmentaliti membangunkan pemahaman baru berkenaan kuasa dan menekankan pada individu sebagai agen bebas dan edaran serta pengeluaran pengetahuan sebagai rejim kebenaran.

## Rujukan

- Bratich, J., Packer, J. dan McCarthy, C. (2003). Governing the present. In Jack Bratich, et.al. (Eds.). Foucault, cultural studies, and governmentality (pp. 3-21). Albany, NY: State University of New York Press.
- Dalam Szczur, S. L. (2011). *Office space: Governmentality, the corporate campus, and subject position*. Doctoral dissertation. University of North Carolina. Atas talian pada 21 Januari 2013, dari <http://search.proquest.com.eserv.uum.edu.my/docview/923626278/fulltextPDF/13BC075457919B55CB2/20?accountid=42599>
- Brockling, U., Krasmann, S. dan Lemke, T. (2011). From Foucault's lectures at the College de France to studies of governmentality: An introduction. Brockling, U., Krasmann, S. dan Lemke, T. (Eds.). *Governmentality: Current issues and future challenges*. Atas talian pada 22 Januari 2013, dari [http://books.google.co.uk/books?id=vukWEEQZqY4C&printsec=frontcover&source=gbs\\_ge\\_summary\\_r&cad=0#v=onepage&q&f=false](http://books.google.co.uk/books?id=vukWEEQZqY4C&printsec=frontcover&source=gbs_ge_summary_r&cad=0#v=onepage&q&f=false)
- Bunnell, T. dan Coe, N. M. (2005). Re-fragmenting the 'political': Globalization, governmentality and Malaysia's Multimedia Super Corridor. *Political Geography*, 24(7): 831-849.
- Clarke, J., Newman, J. and Smith, N. (2007). *Creating citizen-consumers: Changing publics and changing public services*. London: SAGE Publications Ltd.
- Davids, T., Van Driel, F. dan Van Eerdewijk, A. (2011). Governmentalities and moral agents in the local/global nexus: Male premarital sexuality in Dakar, Senegal. *Globalizations*, 8(2): 197-211.
- De Larrinaga, M. (2011). "A day in the life": A tomogram of global governmentality in relation to the "war on terror" on November 20th, 2003. *Geopolitics*, 16: 306-328.
- Dean, M. (1999). *Governmentality: Power and rule in Modern Society*. London: Sage.
- Dalam Hodgson, D. (2002). "Know your customer": marketing, governmentality and the "new customer" of financial services. *Management Decision*, 2002, 40, 4, ABI/INFORM Complete pp. 318-328. Atas talian pada 21 Januari 2013, dari <http://search.proquest.com.eserv.uum.edu.my/docview/212081224/fulltextPDF/13BC0D4FBF63DD22A1E/30?accountid=42599>
- Dean, M. (1991). n/a. Dalam Hodgson, D. (2002). "Know your customer": marketing, governmentality and the "new customer" of financial services. *Management Decision*, 2002, 40, 4, ABI/INFORM Complete pp. 318-328. Atas talian pada 23 Januari 2013, dari <http://search.proquest.com.eserv.uum.edu.my/docview/212081224/fulltextPDF/13BCBE44E86B17047B/35?accountid=42599>
- Dowling, R. (2010). Geographies of identity: climate change, governmentality and activism. *Progress in Human Geography*, 34(4): 488-495.
- Ettlinger, N. (2011). Governmentality as epistemology. *Annals of the Association of American Geographers*, 101(3): 537-560.
- Flint, C. (2003). Political geography II: Terrorism, modernity, governance and governmentality. *Progress in Human Geography*, 27(1): 97-106.
- Foucault, M. (2011). The courage of truth: Lectures at the College de France 1983-1984. Dalam *Governmentality*. (2014). *Wikipedia The Free Encyclopedia*. Atas talian pada 20 Mac 2014, dari <http://en.wikipedia.org/wiki/Governmentality>
- Foucault, M. (2010). The government of self and others: Lectures at the College de France 1982-1983. Dalam *Governmentality*. (2014). *Wikipedia The Free Encyclopedia*. Atas talian pada 20 Mac 2014, dari <http://en.wikipedia.org/wiki/Governmentality>
- Foucault, M. (2008). The birth of biopolitics Lectures at the College de France 1978-1979. Dalam *Governmentality*. (2014). *Wikipedia The Free Encyclopedia*. Atas talian pada 20 Mac 2014, dari <http://en.wikipedia.org/wiki/Governmentality>

- Foucault, M. (1991<sup>a</sup>). Governmentality. In Gordon, C. Dan Miller, P. Penyunting, *The Foucault effect: Studies in governmentality*, Chicago: University of Chicago, 87-104. Dalam Rose-Redwood, R.S. (2006). *Governmentality, geography and the geo-coded world. Progress in Human Geography* 30(4): 469-486.
- Foucault, M. (1991<sup>b</sup>). Governmentality. In G. Burchell, C. Gordon dan P. Miller (Eds). *The Foucault effects: Studies in governmentality*, pp. 1-51. Chicago: University of Chicago Press. Dalam Kwarteng, E. F. (2005). School closures in Ontario: Who has the final say? *Canadian Journal of Educational Administration and Policy*, Issue 46, November 19, 2005. Atas talian pada 22 Januari 2013, dari <http://www.eric.ed.gov.eserv.uum.edu.my/PDFS/EJ846727.pdf>
- Gomes, A. G. (2007). *Modernity and Malaysia: Settling the Menraq forest nomads*. Oxon: Routledge Taylor & Francis Group.
- Governmentality. (2012). *Wikipedia The Free Encyclopedia*. Atas talian pada 22 Januari 2013, dari <http://en.wikipedia.org/wiki/Governmentality>
- Governmentality. (2014). *Wikipedia The Free Encyclopedia*. Atas talian pada 20 Mac 2014, dari <http://en.wikipedia.org/wiki/Governmentality>
- Hedman, E. E. (2008). Refuge, governmentality and citizenship: Capturing illegal Migrants' in Malaysia and Thailand. *Government and Opposition*, 43(2): 358-383.
- Hodgson, D. (2002). "Know your customer": marketing, governmentality and the "new customer" of financial services. *Management Decision*, 40(4): 318-328.
- Jeffreys, E. dan Sigley, G. (2009). Governmentality, governance and China. Jeffreys, E. (Eds.). *China's governmentalities: Governing change, changing government*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Jeffrey, C. (2010). *Progress in Human Geography*, Feb 2010, Vol. 34 Issue1, p140-141. Atas talian pada 21 Januari 2013, dari <http://ehis.ebscohost.com.eserv.uum.edu.my/ehost/pdfviewer/pdfviewer?vid=5&sid=fe399d8c-f9a2-46ef-90d4-af24f8f8cc0f%40sessionmgr4&hid=22>
- Kwarteng, E. F. (2005). School closures in Ontario: Who has the final say? *Canadian Journal of Educational Administration and Policy*, 46, November 19, 2005. Atas talian pada 22 Januari 2013, dari <http://www.eric.ed.gov.eserv.uum.edu.my/PDFS/EJ846727.pdf>
- Legg, S. (2007). *Spaces of colonialism: Delhi's urban governmentalities*. Oxford: Blackwell. Dalam Jeffrey, C. (2010). *Progress in Human Geography*, Feb 2010, Vol. 34 Issue1, p140-141. Atas talian pada 21 Januari 2013, dari <http://ehis.ebscohost.com.eserv.uum.edu.my/ehost/pdfviewer/pdfviewer?vid=5&sid=fe399d8c-f9a2-46ef-90d4-af24f8f8cc0f%40sessionmgr4&hid=22>
- Merlingen, M. (2011). From governance to governmentality in CSDP: Towards a Foucauldian research agenda. *Journal of Common Market Studies*, 49(1): 149-169.
- Morton, J. (2010). Why should governmentality matter for the study of pastoral development? *Nomadic Peoples*, 4(1): 6-30.
- Newswander, C.B. dan Newswander, L.K. (2009). "Born again" governmentality: The faith-based initiative as administrative agent. *International Journal of Organization Theory and Behavior*, 12(1): 27-54.
- Petersen, A. (2003). Governmentality, critical scholarship, and the medical humanities. *Journal of Medical Humanities*, Vol. 24, Nos. 3/4, Winter 2003. Atas talian pada 22 Januari 2013, dari <http://ehis.ebscohost.com.eserv.uum.edu.my/ehost/pdfviewer/pdfviewer?vid=3&sid=c0645ef9-a216-46b0-9690-064362684eb4%40sessionmgr4&hid=4>
- Robyn, M. (2012). Machiavelli contra governmentality. *Contemporary political theory*, 11.4 (Nov 2012), pp. 339-361. Atas talian pada 21 Januari 2013, dari <http://search.proquest.com.eserv.uum.edu.my/docview/1133854018/abstract/13BC0D4FBF63DD22A1E/33?accountid=42599>

- Rose-Redwood, R.S. (2006<sup>a</sup>). Governmentality, geography and the geo-coded world. *Progress in Human Geography*, 30(4): 469-486.
- Rose-Redwood, R. S. (2006<sup>b</sup>). *Governmentality, the grid, and the beginnings of a critical spatial history of the geo-coded world*. Doctoral dissertation. The Pennsylvania State University. Atas talian pada 21 Januari 2013, dari <http://search.proquest.com.eserv.uum.edu.my/docview/305262134/fulltextPDF/13BC00B5547547C705B/6?accountid=42599>
- Szczur, S. L. (2011). *Office space: Governmentality, the corporate campus, and subject position*. Doctoral dissertation. University of North Carolina. Atas talian pada 21 Januari 2013, dari <http://search.proquest.com.eserv.uum.edu.my/docview/923626278/fulltextPDF/13BC075457919B55CB2/20?accountid=42599>
- Triantafillou, P. (2005). "politics have shown that the Malays can change": Corporate Anthropology and the governing of entrepreneurial. *Journal for Cultural research*, Vol. 9, No. 2 (April 2005). Atas talian pada 22 Januari 2013, dari <http://ehis.ebscohost.com.eserv.uum.edu.my/ehost/pdfviewer/pdfviewer?vid=3&sid=0b99d721-f15c-4d20-ae30-4e268f24391f%40sessionmgr110&hid=102>
- Una, C. dan Rob, K. (2008). Producing 'decent girls': governmentality and the moral geographies of sexual conduct in Ireland (1922-1937). *Gender, place & culture: A journal of feminist geography*, 15(4): 355-372.
- Varman, R., Skalen, P. dan Belk, R. W. (2012). Conflicts at the bottom of the pyramid: Profitability, poverty alleviation, and neoliberal governmentality. *Journal of Public Policy & Marketing*, 31(1): 19-35.